

Najib akui belanja wang SRC

Bekas PM sangka dana untuk tanggungjawab sosial korporat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengakui membelanjakan wang milik SRC International Sdn Bhd yang dipindah masuk ke dalam akaun peribadinya.

Najib yang disoal balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V

Sithambaram pada perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC, berkata beliau membelanjakan wang itu kerana menyangka ia dana tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Katanya, ketika itu beliau tidak mengetahui wang yang dipindah masuk ke dalam akaunnya adalah



milik SRC.

Sithambaram: Pada 26 Disember 2014, adakah kamu mengetahui wang RM27 juta masuk ke dalam akaun kamu?

Najib: Tidak

Sithambaram: Tetapi kamu

membelanjakan setiap sen daripada wang itu?

Najib: Saya ingat itu wang CSR

Sithambaram: RM27 juta masuk dalam akaun kamu dan kamu belanjakan RM27 juta, ia sangat menakjubkan. Bagaimana kamu boleh belanjakan jumlah yang tepat jika kamu tidak tahu?

Najib: Saya tidak tahu itu wang milik SRC

Sithambaram kemudian meru-

jur Najib kepada beberapa transaksi yang menunjukkan bagaimana wang SRC disalurkan melalui akaun anak syarikat SRC iaitu Gandingan Mentari Sdn Bhd dan Ihsan Perdana Sdn Bhd sebelum dipindah masuk ke dalam akaun tertuduh.

Najib bagaimanapun mengulangi jawapan bahawa beliau tidak mengetahui mengenai transaksi berkenaan pada ketika itu dan tidak mengarahkan wang terbabit dipindah masuk ke dalam akaun peribadinya.